



*Prof. Dr. Abdul Aziz beramah mesra bersama pelajar antarabangsa UPM*

**SERDANG, 8 April** - Seramai 107 pelajar Tertiary English Programme (TEP) menyertai Majlis Networking Evening bagi membina keyakinan diri berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Ketua Pegawai Eksekutif UPM Education & Training Sdn. Bhd., Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee berkata program yang dilaksanakan pada hujung semester bagi menilai keupayaan pelajar dan hasil pembelajaran. Menurut beliau, pelajar bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan tetamu jemputan untuk membina jaringan antara satu sama lain.



“Pelajar akan dinilai sebagai sebahagian penilaian akhir program TEP,” katanya pada majlis perasmian Majlis Networking Evening bersama pelajar TEP anjuran UPM Education & Training Sdn. Bhd. di Fakulti Kejuruteraan baru-baru ini.

Tambah beliau, program itu merupakan syarat wajib bagi pelajar yang ditawarkan kemasukan secara bersyarat sebagai pelajar Pasca Siswazah Antarabangsa UPM.

“Program ini turut memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan hasil pembelajaran mereka terhadap keyakinan diri serta kemahiran komunikasi bagi membina jaringan antara satu sama lain,” katanya.



*Elham Falatoni*

Sementara itu, pelajar Sarjana Kejuruteraan Industrial, Elham Falatoni, 25, yang berasal daripada negara Iran berkata program itu memberikan peluang untuk memperbaiki pertuturan beliau dalam Bahasa Inggeris.

“Program sebegini membantu pelajar antarabangsa lain yang mempunyai masalah komunikasi dalam Bahasa Inggeris,” katanya



*Yu Bin*

Rakannya Yu Bin, 26, daripada negara China berkata program TES telah membantu beliau membina jaringan dengan rakan-rakan pengajian serta pensyarah UPM untuk memahami pembelajaran serta budaya Malaysia.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013)Jurufoto BKK,(Marina Ismail),03-89466199**

